

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN  
CHIK [ BALIK PULAU ]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia bersedia untuk meminda dan mengembangkan Seksyen 36 Akta SPRM supaya pengisytiharan harta dapat disahkan melalui penyiasatan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM mempunyai kuasa di bawah peruntukan Seksyen 36, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009, iaitu peruntukan untuk memperolehi maklumat berkaitan pemilikan harta seseorang individu berdasarkan penyiasatan yang dibuat oleh SPRM dan kemudiannya mempunyai alasan munasabah bahawa apa-apa jumlah wang atau harta benda yang dipegang oleh seseorang merupakan kesalahan rasuah, maka notis pengisytiharan harta boleh dikeluarkan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Seksyen 36 ASPRM 2009 ini telah dipersetujui oleh semua pihak ketika dibentangkan pada tahun 2009. Sekian, terima kasih